

Ambil tindakan penyebar SMS sentuh sensitiviti agama – Najib

JOHOR BAHRU 6 Nov. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, penyebaran mesej yang menyentuh sensitiviti agama boleh mencetuskan perbalahan antara kaum dan ketegangan di dalam negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas ke atas individu terbabit yang menyebarkan mesej tersebut melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kerana perbuatan mereka amat berbahaya.

Serentak dengan itu beliau mengarahkan pihak polis supaya menjalankan siasatan untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab menyebarkan mesej melalui SMS itu yang menyentuh sensitiviti agama.

Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas ke atas individu terbabit yang menyebarkan mesej tersebut melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kerana perbuatan mereka amat berbahaya

ma.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai penyebaran SMS tersebut pada sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis penutup Konvensyen UMNO Johor di sini hari ini

Najib menambah beliau telah menghubungi Ketua Polis Negara, Datuk Seri Musa Hasan malam tadi dan mengarahkan supaya siasatan segera mengenainya dilakukan.

“Kita perlu mengambil tindakan dengan

**NAJIB
TUN RAZAK**
Timbalan
Perdana Menteri

tegas ke atas individu terbabit yang menyebarkan SMS itu kerana perbuatan mereka amat berbahaya.

“Ia boleh mencetuskan perbalahan antara kaum dan ketegangan di dalam negara,” katanya.

Semalam, masyarakat Islam digemparkan oleh penyebaran SMS kononnya ada majlis mengkristiankan atau baptis sejumlah orang Islam di sebuah gereja di Ipoh.

Akibat SMS itu, sekumpulan umat Islam termasuk wakil beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah berkumpul di pekarangan gereja itu untuk mendapatkan kepastian.